

Menangani Penetrasi Budaya Hedonisme di Kalangan Mahasiswa: Satu Penyelesaian Menurut Perspektif Islam dan Kaunseling

Hj Huzili Hussin dan Shuhairimi Abdullah

Pensyarah

Pusat Kemahiran Komunikasi & Keusahawanan

Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia

Blok B, Kompleks Pusat Pengajian

Jalan Kangar-Arau

02600 Perlis

huzili@kukum.edu.my, shuhairimi@kukum.edu.my

Abstrak: Kesan daripada pengaruh globalisasi yang melanda negara kita telah turut sama memberi impak yang cukup besar kepada penularan gejala sosial yang berselindung disebalik fahaman hak asasi manusia, ‘release tension’ dan bermacam-macam lagi alasan untuk menghalalkan tindakan mereka. Justeru kertas kerja ini akan memaparkan apakah perbezaan tanggapan budaya hedonisme pada kaca mata Barat dan di kaca mata Islam?. Selain itu, kajian menerusi rujukan perpustakaan dan juga bersandarkan literature akan mengenalpasti punca dan impak budaya hedonisme ini di kalangan masyarakat khususnya para mahasiswa. Paparan sesi kaunseling bersama mahasiswa berkaitan penglibatan mereka dengan budaya hedonisme juga akan diketengahkan. Kertas kerja ini juga akan memaparkan bagaimana budaya hedonisme ini boleh dirawat dengan menggunakan pendekatan Islam. Oleh itu, saranan menerusi literature kitab-kitab Islam akan digunakan untuk menjawab persoalan tersebut. Di samping itu, kertas kerja ini juga akan melihat sejauhmanakah perkhidmatan kaunseling membantu membendung budaya hedonisme ini menular di kalangan mahasiswa.

Katakunci: Budaya hedonisme, kaunseling, perspektif Islam.

Pendahuluan

Penularan budaya hedonisme di kalangan anak muda kita pada hari ini bukanlah merupakan satu fenomena yang baru. Ini kerana, aliran tersebut telah lama berkembang di Eropah Barat sekitar kurun 14 - 15 dan kemudiannya budaya tersebut menjalar keseluruh dunia (Ira O. Wade, 1967). Sama ada secara sedar atau tidak, budaya hedonistik tersebut telahpun menodai kehidupan manusia yang jelas bertentangan dengan nilai-nilai agama dan norma-norma masyarakat. Dengan kata lain, doktrin hedonistik yang bersifat materialistik cenderung untuk melahirkan manusia yang dibuai dengan ilusi, kebebasan yang mutlak dan gaya hidup bebas sehingga mengorbankan nilai-nilai akhlak dan moral. Hasilnya, akan lahirlah manusia yang di dalam dirinya meletakkan simbol keseronokan dan kemewahan yang berlebihan menjadi keutamaan dalam kehidupan sehari-hari.

Senario yang berlaku pada hari ini memperlihatkan sebahagian besar golongan muda telah terdedah dengan budaya hedonisme melalui proses globalisasi sosio budaya. Melalui pelbagai medium, golongan muda akan menjadi sasaran utama proses globalisasi yang didalangi oleh pihak barat. Oleh yang demikian, tidaklah menghairankan apabila nilai-nilai tradisi sosio budaya masyarakat melayu yang terkenal dengan nilai-nilai luhur telah melalui proses penghakisan dan digantikan dengan sistem nilai yang berasaskan budaya hedonisme. Aliran ini seolah-olah membentuk ritualnya yang tersendiri, nilai-nilai hidup dan ideologi untuk menggantikan sistem sosio budaya yang sekian lama dianuti oleh masyarakat. Tegasnya, hedonisme bersifat kontra tradisi disebabkan aliran ini menegakkan perkara-perkara lencongan yang negatif “*counterfeits*” sebagai ganti kepada nilai-nilai tradisi yang diktiraf sebahagian daripada norma-norma masyarakat.

Oleh yang demikian, dalam keghairahan remaja mengejar gaya hidup bebas dan bersuka ria mereka sanggup melakukan pelbagai perkara yang boleh memberi kepuasan dan keseronokan yang optimum meskipun dengan cara meniru budaya hidup barat. Gaya hidup sedemikian seolah-olah dilabelkan sebagai simbol yang prestij dalam sistem stratifikasi sosial bagi aliran hedonisme. Penonjolan budaya tersebut di kalangan remaja dapat dilihat melalui gaya hidup yang mementingkan hiburan yang melampau, penyalahgunaan dadah, kehidupan yang mewah melebihi daripada kemampuan dan sebagainya.

Contohnya, pergaulan bebas yang melampaui batas, berhibur dengan cara berlebihan dan perlu ke tempat yang eksklusif, begitu juga dengan pakaian perlu dari jenis yang berjenama dan bergaya untuk memperlihatkan kehebatan dan kepuasan kepada pemiliknya. Kecenderungan untuk hidup bermewah dan mendapatkan hiburan yang melampaui boleh mendedahkan golongan tersebut kepada kemelut gejala sosial dan akhirnya terlibat dengan kegiatan jenayah.

Sehubungan dengan itu, satu perkara yang perlu dibimbangkan budaya hedonisme telahpun menular di kalangan mahasiswa. Fenomena yang negatif ini perlu diberi perhatian dan ditangani dengan baik supaya perkara ini tidak menjadi serius. Penonjolan budaya hedonisme di kalangan mahasiswa boleh dilihat melalui perlakuan aktiviti mahasiswa yang terlalu mementingkan hiburan dan keseronakan seperti penyalahgunaan dadah, penggunaan pil-pil yang dilarang, berhibur di kelab-kelab malam, pergaulan sosial tanpa ada batasan dan sebagainya. Natijahnya, nilai-nilai negatif yang mendominasi golongan mahasiswa tersebut akan memberi implikasi negatif yang besar khususnya kepada masyarakat dan negara.

Konsep Umum Hedonisme

Secara literalnya, hedonisme berasal dari perkataan Greek iaitu hedone “*pleasure*” + ism (<http://en.wikipedia.org/wiki/Hedonism>, capaian pada 5.6.2006). Ia boleh dijelaskan sebagai cara pemikiran yang memberi keseronokan yang diterima oleh masyarakat umum. Dengan kata lain, ia bermaksud mencapai kemuncak keseronokan “*pleasure is the highest good*”. Dari satu sudut yang lain, hedonisme merupakan satu doktrin yang memberi dorongan motivasi kepada seseorang untuk bertindak mencapai keseronokan atau kebahagiaan dan mengelakkan unsur-unsur yang boleh mendatangkan kesedihan.

Umumnya, ideologi hedonistik memfokuskan kepada perkara yang boleh meningkatkan keseronokan dan mengurangkan perkara-perkara yang boleh memberikan kesedihan “*increasing pleasure and reduce pain*”. Berasaskan pemikiran tersebut, aliran hedonisme berpendapat unsur-unsur yang boleh mendatangkan kesusahan atau kesedihan merupakan satu belenggu yang merantai manusia untuk mengecapi kebahagian, kesenangan, ketenangan dan keseronokan. Akibatnya manusia tidak mempunyai kebebasan dalam hidup disebabkan adanya batasan yang telah digariskan sama ada yang telah ditentukan oleh agama atau norma-norma hidup masyarakat. Aliran hedonisme dianggap sebagai kunci yang boleh merungkai segala permasalahan yang dihadapi oleh manusia. Sekiranya agama telah menentukan garis panduan yang perlu dipatuhi oleh penganutnya, maka aliran hedonisme memberi kebebasan yang mutlak kepada pengikutnya asalkan ia boleh memberi kesenangan dan keseronokan. Lazimnya, falsafah hedonistik ini lebih menjurus kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan seks.

Pada prinsipnya, idea disebalik pemikiran hedonistik memberi gambaran bahawa setiap aktiviti perlakuan manusia boleh diukur dengan menggunakan mekanisme penilaian untuk mengetahui berapa banyak nilai keseronokan diperolehi dan berapa kecil nilai kesedihan atau kesusahan dihasilkan. Secara ringkasnya, prinsip yang menjadi pegangan aliran hedonisme ialah memaksimumkan keseronokan pada tahap skala yang tinggi dan meminimumkan unsur-unsur kesedihan. Menyentuh perkara ini, para sarjana Barat seperti John Stuart Mill (1806-1873) dan Jeremy Bentham (1748-1832) (dalam <http://en.wikipedia.org/wiki/Hedonism>, capaian pada 5.6.2006) telah mengungkap pendapat mereka dalam sebuah penulisan yang bertajuk *Utilitarianism and Other Essays* menjelaskan prinsip pegangan golongan hedonisme mempunyai perkaitan dengan teori utilitarianisme. Meskipun begitu, pendokong aliran humanisme pula menegaskan bahawa teori tersebut hanya mendorong mereka mengejar perkara-perkara yang mendatangkan keseronokan dan kegembiraan semata-mata dan perkara tersebut diiktiraf oleh masyarakat umum. Berasaskan pandangan yang diutarakan tersebut, John Stuart Mill dan Jeremy Bentham membuat kesimpulan bahawa doktrin humanisme yang diperaktikkan berlaku sedikit lencongan dengan prinsip asas yang dipegang oleh aliran utilitarianisme.

Menyentuh tentang budaya hedonisme, terdapat dua aliran pemikiran yang membincangkan teori tersebut. Aliran yang pertama dipelopori oleh Jeremy Bentham (1748-1832), berpendapat teori tersebut perlu berdasarkan kepada pendekatan yang bersifat kuantitatif. Beliau percaya bahawa nilai keseronokan atau kegembiraan yang dikehendaki oleh manusia sepatutnya difahami secara kuantitatif. Apa yang penting, unsur keseronokan tersebut boleh dinilai dengan cara kemuncak keseronokan didarab dengan tempoh masa. Oleh yang demikian tidak kira berapa nilai jumlah yang diperolehi namun perkara yang penting ialah berapa lama tempoh masa keseronokan tersebut dapat dikekalkan dan nilai tersebut perlu diambil kira.

Berbeza pula dengan aliran yang dipelopori oleh John Stuart Mill (1806-1873). Sarjana ini berpendapat, teori hedonisme perlu menggunakan pendekatan kualitatif. Pada pandangan beliau, terdapat

perbezaan pada aras keseronokan bagi sesuatu perkara yang dilakukan oleh manusia. Sudah tentulah kualiti keseronokan yang tinggi lebih baik dari yang sebaliknya. Selanjutnya beliau membuat hujahan bahawa pada asasnya keperluan semua makhluk adalah ringkas. Misalan yang disering dijadikan contoh dengan merujuk kepada khinzir (*pigs*). Tegasnya, sifat binatang tersebut begitu ringkas kerana tidak memikirkan perkara yang kompleks dalam kehidupannya. Walau bagaimanapun, realiti keperluan manusia sering berbeza di antara satu sama lain kerana ia cenderung dipengaruhi oleh pelbagai perkara yang merupakan halangan dankekangan untuk menilai *degree* keseronokan bagi tingkah laku yang sama.

Gaya hidup bebas dan menyeronokkan seperti yang diamalkan oleh pendokong hedonis boleh memberi implikasi yang negatif kepada citra perkembangan peradaban manusia. Gambaran ini boleh dilihat melalui kritikan yang dibuat oleh seorang sarjana Perancis iaitu (Jean Baudrillard, 1987) menegaskan realiti masyarakat kini sudah melampaui batas kemanusiaan. Kritikan keras yang ditujukan kepada manusia yang bersifat sedemikian seperti yang dinukilkhan:

“More social than social; fatter than fat; more violent than the violent; more sexual than sex (porn); more real than real (simulation), more beautiful than the beautiful (fashion)”.

Tanggapan Islam Terhadap Budaya Hedonisme

Jika disingkap sejarah silam pada setiap zaman dan tempat tidak pernah sunyi para Nabi dan Rasul memberi nasihat kepada umat mereka masing-masing tentang kepentingan akhlak dalam kehidupan manusia (Mustafa Kamal Alias, 2001). Lantaran itu, pada zaman Nabi Muhammad S.A.W persoalan akhlak masih lagi merupakan sebahagian daripada tema utama dalam ajaran yang murni tersebut. Sebagai contoh, pada saat kelahiran agama Islam di muka bumi Arab, masyarakat Arab Jahiliah pada masa tersebut berada dalam jurang kesesatan yang dalam di samping mengamalkan tingkah laku di luar batasan norma luhur manusia. Oleh yang demikian, citra hati budi bangsa Arab Jahiliah banyak disentuh oleh al-Quran supaya ia menjadi pengajaran kepada atas pembentukan peradaban insan.

Kini pada zaman moden, dunia Islam menghadapi pelbagai cabaran yang boleh menghancurkan nilai-nilai rohaniah yang terdapat dalam ajarannya. Tanpa benteng aqidah yang konkret dan akhlak sebagai pendinding nescaya umat Islam tidak mampu menghadapi serangan musuh dari pelbagai sudut. Pelbagai manifestasi serangan musuh Islam boleh dilihat dengan lahirnya ideologi-ideologi dan aliran falsafah yang berselindung di bawah modernisme termasuklah doktrin hedonistik (Wan Muhammad Ali, 2000). Penghakisan nilai-nilai akidah yang murni tersebut akan melahirkan kelompok skeptis.

Dalam membincangkan kerangka hedonisme, sudah pastilah unsur keseronokan dan kegembiraan merupakan intisari penting dalam aliran tersebut. Manusia dikatakan hidup bahagia apabila mereka mencapai klimaks keseronokan dan kegembiraan di tahap yang paling tinggi dan cuba mengelakkan elemen-elemen yang mendatangkan kesedihan dan kesukaran. Bagi mencapai objektif tersebut, dalam keadaaan tertentu manusia perlu bersikap pesimistik dan negatif. Sama ada manusia perlu bersikap positif atau negatif tidak menjadi persoalan, apa yang penting ialah mencapai tahap keseronokan dalam hidup. Justeru itu, tidak menjadi kesalahan sekiranya sesuatu tindak tanduk yang dilakukan dapat membantu seseorang mencapai hasrat dan matlamatnya. Contohnya, di Barat masyarakatnya bebas melakukan penyimpangan seksual (homoseksual dan lesbian).

Islam tidak menghalang umatnya untuk mencapai kebahagian dalam hidup. Namun, kecenderungan yang berlebihan kepada kesenangan dan hiburan menjadikan menjadikan manusia alpa dan lalai dengan tipu daya dunia. Budaya sedemikian diibaratkan sebagai menggemukkan jasad tetapi mematikan ruh. Keseronokan yang dikecapai tersebut hanyalah bersifat sementara dan bukannya ketenangan yang hakiki. Sesungguhnya, budaya hedonisme jauh menyimpang dengan ajaran agama Islam yang kaya dengan nilai-nilai luhur yang terpuji. Apa yang jelas budaya tersebut bertentangan dengan akidah Islam kerana aliran tersebut bertuhankan nafsu. Tunjang iman adalah akidah tauhidnya. Allah adalah penghabisan dalam segala tujuan hidup setiap individu muslim (K.H Tarmizi Taher, 2003).

Sejarah telah membuktikan antara faktor kejatuhan kerajaan Abbasiah adalah berpunca dari sikap pemimpin dan rakyat yang mengutamakan kesenangan, kemewahan dan dibuai dengan pelbagai bentuk hiburan. Mereka gagal menumpukan perhatian kepada soal pembangunan insan dan negara dan akhirnya kelemahan tersebut dapat dikesan oleh musuh menyebabkan empayar yang terbilang tersebut jatuh di pihak

lawan. Contoh yang dikemukakan tersebut membuktikan budaya hedonisme dipengaruhi oleh lintasan-lintasan nafsu yang mendorong kepada perlakuan yang negatif.

Islam telah memberi garis panduan yang jelas kepada penganutnya untuk mencapai kebahagiaan yang hakiki. Ajarannya bersifat sejagat dan sempurna dari lompong-lompong kecacatan. Keunikan yang ada pada ajaran tersebut ia bersifat fleksibel pada nilai-nilai yang relevan dengan realiti dan keperluan masyarakat. Akidahnya berasaskan kepada wahyu Ilahi yang berfungsi sebagai kerangka asas pembentukan peradaban manusia. Gagasan Islam bukanlah kompromi Barat dan Timur, bukanlah penyatuhan pelbagai ideologi dan falsafah dunia (Dr. Abdullah Yusuf Azam, 1996) sebaliknya Islam merupakan cerminan kepada peradaban manusia yang hakiki.

Oleh yang demikian, petunjuk dan garis panduan yang telah ditetapkan oleh Islam perlu dijadikan pedoman dan sempadan untuk dipatuhi oleh manusia. Sesungguhnya Iblis dan Syaitan sentiasa mencari jalan untuk menyesatkan manusia. Gambaran ini jelas terungkap dalam Kitab Suci al-Quran al-Karim. Firman Allah S.W.T yang bermaksud:

“Dan tidak (dinamakan) kehidupan dunia melainkan permainan yang sia-sia dan hiburan yang melalaikan; dan demi sesungguhnya negeri akhirat itu lebih baik bagi orang yang bertakwa. Oleh itu, tidakkah kamu mau berfikir”

(al-An`am: 32)

Dalam surah yang lain Allah memberi peringatan kepada manusia tentang kecenderungan manusia kepada perkara-perkara yang tidak menguntungkan dan merugikan. Firman Allah S.W.T yang bermaksud:

“Sedarlah wahai orang yang lalai. (Sebenarnya kamu tidak ingatkan kesudahan kamu) bahkan kamu sentiasa mencintai (kesenangan dan kemewahan dunia) yang cepat habisnya. Dan kamu tidak menghiraukan (bekalan untuk) hari akhirat (yang kekal abadi kehidupannya). ”

(al-Qiyamah:20-21)

Amalan Hedonistik di Kalangan Mahasiswa

Menerusi tinjauan beberapa literatur berkaitan dengan masalah sosial di kalangan mahasiswa, masih belum terdapat kajian yang khusus berkaitan dengan amalan hedonistik di kalangan mahasiswa. Namun beberapa kajian berkaitan dengan masalah penglibatan dengan najis dadah, Hiv dan Aids serta melayari laman lucah di internet di kalangan mahasiswa telah pun dilaksanakan. Menurut kajian pengaruh dadah di kalangan pelajar institusi pengajian tinggi oleh Kamarudin Hussin, et.al (2005) di mana telah memilih secara rawak seramai 3558 pelajar tahun satu di 16 buah IPTA dan 2 buah IPTS di dapati 10 pelajar atau 0.02% adalah positif dadah. Di kalangan responden yang positif dadah adalah terdiri daripada 6 lelaki dan 4 perempuan. Manakala jenis-jenis dadah yang terlibat ialah 3 pelajar positif dadah jenis Syabu ataupun dikenali *Amphetamine* (AMP), 2 pelajar positif dadah jenis Ganja atau *Tetrahydrocannabinol* (THC), 2 pelajar positif jenis dadah Ekstasi atau *Methamphetamine* (MET), 2 pelajar positif dua jenis dadah iaitu Ganja dan Morfin atau *Opiate* (OPI) dan 1 pelajar positif dua jenis dadah iaitu Syabu dan Ganja. Selain itu, dapatan kajian ini juga menunjukkan secara tidak langsung pelajar tahun pertama juga berisiko tinggi terhadap pengaruh dadah kerana ;

- a. Hanya seramai 1893 (53.3%) tahu akan bahaya 4 daripada 9 jenis dadah yang biasa disalahgunakan.
- b. Seramai 328 (6.4%) pernah menyentuh sekurang-kurangnya 1 daripada sembilan jenis dadah yang biasa disalahgunakan.
- c. Seramai 595 (16.8%) mengenali rakannya pernah mengambil sekurang-kurangnya 1 daripada sembilan jenis dadah yang biasa disalahgunakan.

Berdasarkan statistik daripada Agensi Anti Dadah kebangsaan (dalam <http://www.pemadam.org.my>) menunjukkan dari Januari hingga Disember 2005 didapati seramai 300 palajar diploma dan 62 pelajar ijazah terlibat dengan gejala najis dadah. Berdasarkan jumlah 300 pelajar diploma tersebut didapati 185 adalah kes baru dan 115 adalah kes berulang. Manakala daripada 62 pelajar Ijazah didapati 38 adalah kes baru dan 24 kes berulang. Menurut Majlis Aids Malaysia pula, seramai 112 mahasiswa terlibat dengan kes jangkitan HIV dan 28 mahasiswa terlibat dengan kes Aids. (dalam <http://www.pemadam.org.my>)

Menurut Abdullah Al Hadi & Iran Herman, (1997) seseorang penagih itu akan hilang maruah diri dan tidak menghormati ibubapa. Mereka hilang maruah diri kerana menjadikan tempat-tempat kotor sebagai rumah mereka, tidak lagi menjaga kekemasan diri dan kerap kali mencuri serta melakukan jenayah. Mengikut kajian Yahya Don, (2000) penagihan dadah akan mendorong mereka melakukan jenayah dalam tiga situasi iaitu ;

- i. Impak dadah itu sendiri akan menyebabkan mereka melakukan jenayah kerana sudah tidak lagi stabil minda dan perasaannya.
- ii. Kos dadah yang begitu tinggi menyebabkan pengguna dadah melakukan jenayah untuk menyara tabiat ketagihan
- iii. Melakukan jenayah dari aspek pengedaran dadah.

Selain daripada masalah dadah dan Hiv/Aids di kalangan mahasiswa, satu kajian pengaruh laman web lucah di kalangan mahasiswa telah dijalankan oleh Rozmi Ismail, (2001). Dapatkan kajian telah menunjukkan seramai 30% daripada 200 mahasiswa yang dijadikan sampel kajian mengaku mempunyai tabiat melayari laman web lucah bagi tujuan hiburan. Selain itu, kajian tersebut juga mendapati 20% dikalangan mereka bertindak demikian kerana ajakan kawan dan 20% bertindak demikian kerana untuk mengisi masa lapang.

Berdasarkan kepada beberapa paparan kes amalan hedonistik yang melibatkan mahasiswa menunjukkan bahawa budaya hedonisme ini tidak mengenal sesiapa. Kalauolah selama ini kita hanya beranggapan ianya hanya boleh berlaku di kalangan masyarakat yang mempunyai tahap pembelajaran yang rendah namun sebaliknya telah berlaku. Walaupun kes amalan hedonistik ini berlaku dalam pecahan yang sedikit sahaja di kalangan mahasiswa berbanding dengan masyarakat luar, namun impaknya cukup besar kerana golongan terpelajar ini adalah harapan negara yang cukup besar sebagai pelapis kepemimpinan negara. Selain itu golongan mahasiswa ini juga dianggap *role model* oleh masyarakat kerana ketinggian tahap keilmuan mereka. Justeru, sekiranya gejala hedonisme ini tidak dikekang dengan ekstensif dan komprehensif ianya lama kelamaan akan merendahkan lagi status mahasiswa di kalangan masyarakat.

Perkongsian Kes Kaunseling Berkaitan Dengan Amalan Hedonistik di Kalangan Mahasiswa.

Bagi melihat dengan lebih dekat lagi isu-isu hedonisme di kalangan mahasiswa, pengkaji akan memaparkan 2 kes kaunseling berkaitan dengan masalah berkenaan. Paparan sesi kaunseling oleh pengkaji bukannya berdasarkan pendedahan transkrip di antara klien dan kaunselor, sebaliknya hanya merupakan rumusan dari input-input perbincangan di antara kaunselor dan klien dalam sesi berkenaan. Berikut adalah ringkasan sesi kaunseling dengan 2 klien berkenaan.

a. Sesi Kaunseling Dengan Klien Pertama

Latarbelakang Klien : Merupakan seorang perempuan dan dirujuk kepada kaunselor kerana menunjukkan prestasi yang merosot dalam pembelajaran. Hasil daripada sesi didapati beliau telah kematian ibunya semasa beliau masih belajar di tahun empat sekolah rendah. Sekarang tinggal bersama dengan ibu tiri di mana hubungannya agak tidak mesra. Lebih banyak menghabiskan masa dengan kawan-kawan. Bapanya seorang buruh dan beliau merupakan anak sulung dari lima adik beradik.

Input Perbincangan : Semasa sesi berkenaan beliau banyak menyalahkan nasib yang menimpa dirinya. Seringkali beliau membuat perbandingan kehidupannya dengan rakan-rakan. Beliau mengakui dirinya cukup pendiam tetapi banyak berdendam. Beliau telah membuat pengakuan berkenaan dengan seorang lelaki yang cukup istimewa. Beliau amat sayangkan lelaki berkenaan kerana sebelum ini jiwanya cukup kosong. Beliau percaya bahawa hidup ini perlukan kebebasan untuk mengelakkan dirinya dari terbelengu dengan kesedihan. Akhirnya beliau mengakui telah terlanjur dengan lelaki berkenaan. Bukan sekali tetapi beberapa kali. Beliau tidak pernah menyesal dengan perbuatannya. Baginya persoalan dosa tidak timbul kerana yang lebih penting ialah soal kasih sayang yang sukar didapati.

Rumusan : Hasil daripada sesi berkenaan beberapa kenyataan beliau tentang kehidupan telah dihujahkan dengan panjang lebar oleh kaunselor. Beliau telah diberikan pendedahan berkaitan dengan beberapa kepercayaan yang salah dalam dirinya seperti semua orang berhak untuk mendapatkan kasih sayang, dunia tidak adil untuk dirinya dan kepercayaan terhadap kebebasan mutlak yang ada pada dirinya. Beliau telah diminta bertaubat di atas perbuatan yang dilakukan. Namun pelajar berkenaan tidak tahu bagaimana untuk melakukan taubat. Justeru Kaunselor mengambil inisiatif membimbanginya.

b. Sesi Kaunseling Dengan Klien Kedua

Latar belakang Klien : Beliau seorang pelajar lelaki dan dirujuk kerana ditangkap mencuri pakaian dalam pelajar wanita. Beliau merupakan anak sulung dari 4 beradik . Beliau berlatarbelakangkan sekolah agama sebelum memasuki universiti. Bapanya seorang tukang rumah.

Input Perbincangan : Beliau mengakui perbuatannya itu salah. Beliau menjelaskan perbuatannya itu menular semenjak berada di Kolej Matrikulasi kerana berkawan dengan rakan-rakan yang suka menonton filem lucuah. Akhirnya perbuatan tersebut menjadi ketagih menyebabkan beliau mula memuaskan hawa nafsunya menerusi pakaian dalam wanita. Beliau telah beberapa kali bertaubat dan berusaha untuk mengawal emosi dan tindakannya tetapi hanya boleh bertahan untuk sementara waktu sahaja. Beliau amat mengharap kaunselor dapat membantu dirinya.

Rumusan : Memandangkan kes beliau telah melibatkan ketagihan dan terdapat gejala penyakit psikiatris iaitu Fetisme maka beliau telah dirujuk kepada doktor pakar psikiatris.

Berdasarkan kepada paparan sesi dengan pelajar berkenaan walaupun ianya tidak boleh digeneralisasikan kepada semua pelajar adalah jelas menunjukkan faktor kerukunan rumah tangga penting untuk kecemerlangan sahsiah anak-anak. Fenomena ini juga disokong oleh (Hairunnaja, 2003). Selain itu pendedahan individu kepada bentuk-bentuk hiburan yang boleh menyebabkan nafsu terangsang juga boleh mendorong kepada amalan hedonistik. Kenyataan ini juga diperkuuhkan oleh (Sidek Baba, 2005). Justeru, Sidek Baba, (2005) menjelaskan bahawa nafsu remaja umpama kuda liar di mana apabila ditunggangi ia gopoh dan boleh menunggangi manusia semula. Kuda liar perlukan tali kekang untuk dijinakkan. Dengan tali kekang ia melatih kuda liar supaya patuh dan ikut pedoman penunggang. Lama kelamaan apabila latihan berterusan , nafsu semakin jinak dan akhirnya bakal memandu nafsu dalam melakukan sesuatu dan bukannya dipacu oleh nafsu dalam menghajatkan sesuatu.

Penyelesaian Menurut Perspektif Islam dan Kaunseling

Menurut Imam Al-Ghazali (dalam Mohd.Rosli Hussain, 2003) telah menggariskan diantara satu daripada sepuluh cara syaitan memasuki pintu hati manusia untuk merosakkan diri sebagai hamba Allah ialah menerusi pintu marah dan syahwat. Ini bermakna hati manusia perlu dibersihkan untuk menghindar gejala berkenaan menular dalam setiap individu. Beliau telah mengaitkan bahawa akal yang dilengkapkan tuhan kepada manusia merupakan khadam kepada hati. Oleh itu, hati manusia cukup mudah untuk menerima dan melihat kecantikan yang boleh membentuk sifat *ubudiah* (hamba) yang sejati. Imam Al-Ghazali juga berpandangan bahawa kemuncak kebahagiaan yang dicapai oleh hati manusia ialah apabila seseorang itu dapat mengimbangi ketiga-tiga kekuatan yang dikurniakan oleh Allah swt. Apabila salah satu daripadanya pincang ianya boleh menjerumuskan manusia kearah kehancuran. Kekuatan tersebut ialah

kekuatan marah, kekuatan syahwat dan kekuatan ilmu. Oleh itu apabila kurangnya kekuatan marah dalam diri manusia menjadikannya lesu dan tidak bermaya dalam pelbagai bidang kehidupan, tetapi apabila kekuatan ini berlebihan menjadikan mereka bersifat seperti anjing yang suka bermusuhan dan berperang sesama sendiri, tetapi apabila ianya berada ditahap sederhana dan pertengahan menjadikan mereka manusia yang penyabar, berani dan mempunyai sifat hikmah.

Begitu juga apabila manusia berlebihan syahwatnya, maka dorongan nafsu tidak akan terkawal. Justeru manusia kan melakukan perbuatan keji dan tidak bermoral. Ketika itu manusia akan jadi seperti khinzir yang suka kekotoran dan najis, tetapi apabila keadaannya sederhana menjadikan manusia seimbang dengan sifat *iffah* (bersih dari perbuatan keji) dan sifat *Qana'ah* (sifat reda dengan ketetapan Allah swt.) Oleh yang demikian beliau telah membahagikan keadaan hati kepada beberapa situasi yang melambangkan sifat hati manusia sebenar. Situasi inilah yang akan membentuk perlakuan manusia. Di antaranya ialah ;

- a. Akhlak Syaitan : Segala perlakuan yang terbit dari nafsu jahat seperti tipu helah, khianat dan sebagainya lagi.
- b. Akhlak Binatang : Segala perbuatan yang jahat bagi mencapai keseronokan dalam makanan, minuman, tidur dan perkahwinan.
- c. Akhlak Serigala : Segala perbuatan yang terbit dari sifat marah yang membawa kepada pergaduhan dan pembunuhan sesama manusia.
- d. Akhlak Malaikat : Segala perbuatan yang terbit dari akal yang membawa kepada kasih sayang, ilmu dan kebaikan.

Justeru Imam Al-Ghazali (dalam Mohd. Rosli Hussain, 2003) telah mencadangkan cara-cara untuk memulihkan hati manusia yang mengalami kerosakan akibat pengaruh dalaman dan persekitaran. Di antara cadangan beliau ialah :

- a. Bermujahadah melawan nafsu : Beliau telah mengaitkan perlakuan luaran manusia mempunyai hubungan rapat dengan hati sebagai raja kepada badan. Rosaknya akhlak, tingkah laku, tuturkata dan tindakan seseorang adalah mempunyai kaitan rapat dengan kerosakan fungsi hati. Justeru, untuk menghasilkan hati yang baik maka seseorang manusia mesti melemahkan runtunan nafsu yang sentiasa mendorong mereka melakukan kejahanatan dan maksiat kepada Allah swt.
- b. Memasukkan sifat-sifat mahmudah (yang terpuji) ke dalam hati : Untuk membentuk hati seseorang manusia supaya menjadi solleh dan terpuji serta boleh mengenal petunjuk Allah swt maka seseorang itu mesti berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk mengeluarkan sifat mazmumah (tercela) yang bertapak di dalam hatinya. Seseorang manusia sanggup berpantang daripada memakan makanan tertentu dan menelan ubat pahit semata-mata untuk mengubati penyakit lahiriah yang menimpa diri mereka. Untuk mengubati penyakit batiniah, mereka juga perlu melakukan perkara yang sama iaitu semangat pengorbanan dan kesabaran yang tinggi dalam menyelesaikan permasalahan yang mereka hadapi ini, penyakit-penyakit hati seperti sompong takbur, riak, ujub (bangga diri), hasad dengki, tamak, bakhil, pemarah dan sebagainya lagi jika tidak diubati dengan segera akan membawa kepada kerosakan yang parah dalam sistem hidup manusia.
- c. Menjaga makan minum dan lari dari persekitaran yang merosakkan diri : Beliau memberi penekanan kepada soal makan minum yang halal. Selain itu, jika kita berada dalam persekitaran manusia yang berakhlak binatang kita perlu lari untuk mengelakkan diri dari terjebak dengan persekitaran berkenaan.

Dari segi pendekatan kaunseling pula, menurut Albert Ellis, (dalam Amir Awang, 1987) kita seharusnya memahami terlebih dahulu sifat-sifat tabii manusia agar memudahkan kita memberikan bantuan kaunseling kepada mereka. Bagi Ellis :

- a. Manusia dilahirkan dengan suatu potensi untuk berfikir secara lurus dan rasional, dan juga berfikir secara tidak rasional dan penuh dengan putar belitnya. Hakikat yang ingin ditekankan di sini ialah keupayaan otak manusia untuk memikirkan perkara yang baik dan buruk, yang betul dan yang salah dan juga yang munasabah dan tidak munasabah.
- b. Manusia juga mempunyai kecenderungan semulajadi untuk memelihara dirinya untuk mencapai kebahagiaan, untuk berfikir dan menyampaikan buah fikirannya, untuk mengasihi dan juga untuk berkomunikasi dengan orang lain serta untuk berkembang menuju kearah nirwana kendiri.
- c. Manusia juga mempunyai kecenderungan semulajadi untuk memusnahkan dirinya, untuk mengelak dari berfikir, untuk menangguh, untuk mengulangi kesalahan, untuk mempercayai perkara-perkara ghaib dan tahuyl, untuk tidak sabar, untuk menuduh dan menyalahkan diri sendiri dan untuk mengelak daripada berkembang kearah nirwana kendiri

Selain itu, Ellis menegaskan bahawa banyak kepercayaan yang tidak rasional terdapat di dalam diri setiap individu. Di antaranya ialah ;

- a. Semestinya seseorang itu dikasihi dan diterima oleh setiap orang lain yang penting bagi dirinya dalam masyarakat.
- b. Kemalaratan manusia disebabkan pengaruh luar dan manusia hanya sedikit berupaya untuk mengawal dirinya daripada merasa dukacita dan terganggu.
- c. Berpandangan bahawa segala peristiwa masa lampaulah yang menjadi penentu bagi tingkahlaku masa kini. Pengaruh masa lampau tidak boleh dihapuskan.
- d. Menganggap bahawa seseorang itu sepatutnya betul-betul cekap, serba boleh dan berjaya dalam semua lapangan jika seseorang itu mahu dirinya dianggap sebagai berguna.

Menurut Amir Awang, (1987), di antara pendekatan yang boleh digunakan untuk membantu seseorang klien sama ada menerusi terapi kaunseling individu dan kaunseling kelompok. Apa yang lebih penting ialah kaunselor memainkan peranan mencabar sama ada menerusi pujukan, propaganda, pertanyaan, cabaran serta menjalankan demonstrasi untuk meruntuhkan kepercayaan yang tidak rasional di kalangan klien. Mereka juga harus diberikan kesedaran untuk menerima hakikat bahawa jika ia sendiri tidak berusaha bersungguh-sungguh untuk menghapuskan sistem kepercayaan yang tidak rasional dalam diri mereka maka selama itulah ia akan menderita. Di antara bentuk-bentuk latihan yang boleh diberikan ialah :

- a. Menggalakkan klien menghayati falsafah hidup baru yang tidak semestinya dikongkong oleh nilai-nilai mutlak seperti "mesti" atau "patut".
- b. Klien diminta secara sendiri mencabar sistem kepercayaannya dengan dalil-dalil dan bukti-bukti tertentu.
- c. Klien juga akan disuruh membuktikan mengapa ia harus merasa dahsyat atau teruk jika sesuatu yang dilakukan itu tidak berjaya.

Kesimpulan dan Cadangan

Sejajar dengan hasrat kerajaan memperkasakan modal insan bagi merealisasikan RMK 9 khususnya dan kecemerlangan Negara dalam jangkamasa panjang gejala hedonisme harus ditangani dengan segera sebelum ianya menular menjadi satu cara hidup. Apabila ianya menjadi satu cara atau budaya hidup sudah tentu untuk menukar cara dan pegangan mereka terhadap amalan hedonistik cukup sukar untuk dilakukan. Adalah jelas Negara kita mensasarkan menjadi salah sebuah Negara maju menjelang 2020. Namun mengejar kemajuan bukannya bermakna kita harus menggadai nilai-nilai murni bangsa dan agama. Walaupun kita sedar amalan hedonistik ini akan dapat di atasi sekiranya individu berkenaan berusaha untuk balik ke pangkal jalan namun kita tidak boleh mengenepikan aspek –aspek yang mendorong mereka terlibat dengan gejala berkenaan. Justeru kesemua tindakan untuk mengatasi masalah berkenaan perlulah dilakukan secara bersepada baik di kalangan masyarakat, kerajaan dan juga pihak swasta. Berikut beberapa cadangan yang boleh dilakukan untuk menangani masalah berkenaan di kalangan mahasiswa.

- a. Pihak kerajaan seharusnya mengawal bentuk-bentuk hiburan yang boleh melalaikan golongan remaja kita terutamanya mahasiswa. Maksud mengawal bukanlah bermakna mengetarkan pergerakan remaja untuk mendapatkan hiburan sebaliknya mengenal pasti dan mengenakan tindakan yang keras kepada penganjur-penganjur program hiburan yang berorientasi keuntungan sehingga membenarkan amalan penggunaan pil-pil khayal dan seks bebas di premis mereka.
- b. Membina dan melaksanakan Pusat Sehenti di setiap daerah di kalangan remaja di mana boleh menjalankan fungsi menerima aduan, memberikan bimbingan dan sebagai tempat perlindungan kepada mereka.
- c. Mempertingkatkan perkhidmatan kaunseling di Universiti sama ada dari segi menambahkan lagi bilangan kaunselor, meningkatkan lagi kemudahan frasarana, memperkuatkan kemahiran kaunselor dengan pendekatan terapi kaunseling terkini dan memberi latihan asas kaunseling kepada pensyarah-pensyarah universiti agar dapat menjalankan sistem *mentor mentee* dengan lebih berkesan.
- d. Mewajibkan pelajar universiti mengikuti program keagamaan yang boleh melembutkan hati yang merupakan raja kepada badan.

- e. Meningkatkan lagi pemantauan kepada pelajar agar mereka tidak terdedah dengan amalan dan aliran pemikiran hedonisme
- f. Meperbanyakkan program wacana ilmu dalam membicarakan impak budaya hedonisme di mana terdorong dari fahaman pluralisme dan liberalisme yang semakin menular di Malaysia.

Bibliografi

- Amir Awang, (1987). *Teori dan Amalan Psikoterapi*. Universiti Sains Malaysia:Pulau Pinang.
- Abdullah Al Hadi & Iran Herman, (1997). *Penagihan Dadah Mengikut Kaum, Diri, Keluarga dan Persekutaran*. Kuala Lumpur : ADK
- Abdullah Yusuf Azam, (Dr) (1996). *Aqidah Asas Wawasan Ummah*. Terj. Ahmad Nuryadi Asmawi. Selangor: Pustaka Ilmi.
- Baudrillard, J. (1988). *The Ecstacy of Communication*. New York: Semiotext.
- Hairunnaja Najmudin, (2003). *Memahami dan Membimbing Remaja Nakal*. Kuala Lumpur : PTS Publications.
- Kamarudin Hussin, Abd. Majid Mohd. Isa, Abdull Halim Abdull, Huzili Hussin & Mohd. Amran Hassan, (2005). *Kajian Pengaruh Dadah Di Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi*. Laporan Penyelidikan yang tidak diterbitkan. Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, Petrajaya, Wilayah Persekutuan.
- K.H Tarmizi Taher, (2003). *Menyegarkan akida Tauhid Insan Mati di Era Klenik*. Kuala Lumpur: Darulfikir.
- Mohd. Rosli Hussain, (2003). *Pembangunan Insan : Kajian Perbandingan Antara Al-Ghazali dan Ibn Khaldun*. Dissertasi Sarjana Usuluddin, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Universiti Malaya. Tidak diterbitkan.
- Rozmi Ismail, (2001). *Pengaruh Laman Web Lucah di Kalangan Mahasiswa*. Kertas kerja yang dibentangkan pada Seminar Persatuan Psikologi Malaysia (PSIMA) pada 13 dan 14 Julai 2001 di UIA, Kuala Lumpur.
- Sidek Baba, (2005). *Fahaman Hedonistik: Remaja Tahu Batasan dan Tujuan*. Utusan Malaysia, 11 Ogos 2005.
- Mustafa Kamal Alias, (2001). *Islam dan Relativisme Moral Dalam Pemikiran Pasca Modernisme*. Dalam Jurnal Yadim, bil. 2. Kuala Lumpur : Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.

Wade, Ira Owen, (1967). *The Clandestine Organisation and Diffusion of Philosophic Ideas in France From 1700 to 1750*. New York: Pricenton.

Wan Muhammad Ali, (2000). *Islam dan Fitnah*. Kuala Lumpur : Pustaka Syuhada.

Yahya Don, (2000). Penagihan Dadah dan Perlakuan Jenayah : Cabaran Kepada Pusat Serenti dan Masyarakat Masa Kini. *Prosiding Seminar Kebangsaan Kerja Sosial 1999*. UUM.

Website : <http://en.wikipedia.org/wiki/Hedonism>

Website: <http://www.pemadam.org.my>